

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
1.	<p><u>Penduduk Terengganu diminta waspada ribut Tropika Pabuk / Waspada Ribut Tropika Pabuk</u></p> <p>Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) dalam satu kenyataan berkata, ribut Tropika Pabuk kini berada di kedudukan 5.8U 108.6T dan dijangka bergerak 15 kilometer sejam ke arah barat.</p>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita dan rujuk lampiran 1
2.	<p><u>Jauhi aktiviti pantai sepanjang hari ini, esok</u></p> <p>Sehubungan itu, Pengarah Meteorologi Terengganu, Rosli Zakaria menasihatkan para penduduk dua negeri berkenaan supaya tidak melakukan sebarang aktiviti perkapalan serta pantai susulan keadaan angin kencang dan laut bergelora yang dijangka berlarutan hingga esok.</p>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
3.	<p><u>Hujan lebat, angin kencang di perairan pantai timur</u></p> <p>Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM), Alui Bahari, berkata kedudukan terkini ribut berkenaan adalah di Latitud 6.1 Utara dan Longitud 108.0 Timur, kira-kira 545 kilometer (km) ke tenggara Ho Chi Minh City, Vietnam.</p>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
4.	<p><u>Pantai timur kena tempas Pabuk / Ramalan hujan lebat, angin kencang melanda pantai</u></p> <p>Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM), Alui Bahari berkata, kedudukan terkini ribut berkenaan adalah di Latitud 6.1 Utara dan Longitud 108.0 Timur kira-kira 545 kilometer (km) ke Tenggara Ho Chi Minh City, Vietnam.</p>	Harian Metro	Klik pada tajuk berita dan rujuk lampiran 2
5.	<p><u>Pabuk serang Terengganu, beberapa kampung terjejas/ 'Waspada, usah turun ke laut'</u></p>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita dan rujuk lampiran 3



	Pengarah Jabatan Meteorologi (Met Malaysia) Terengganu, Rosli Zakaria, berkata orang ramai sudah diingatkan supaya berjaga-jaga terhadap kemungkinan terdapat kerosakan pada bangunan dan kejadian pokok tumbang yang mungkin berlaku akibat angin kencang pada kelajuan 46km/j disebabkan ribut itu.		
6.	<p><u>Patuhi amaran bendera merah di pantai</u></p> <p>Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia, angin kencang timur laut dengan kelajuan 50-60 kmsj dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter dijangka berlaku di kawasan perairan Kelantan, Terengganu dan Pahang bermula hari ini sehingga Sabtu, 5 Januari 2019.</p>	Kosmo	Klik pada tajuk berita
7.	<p><u>Jangan dekati pantai untuk tempoh 48 jam</u></p> <p>Menurutnya, berdasarkan ramalan Jabatan Meteorologi Malaysia, ribut berkenaan turut terkesan di kawasan pantai Kelantan melibatkan pantai di Tumpat, Pengkalan Chepa, Bachok dan juga Pasir Puteh bermula hari ini hingga esok.</p>	Astro awani	Klik pada tajuk berita
8.	<p><u>Gempa bumi sederhana landa rantau Sumbawa, Indonesia</u></p> <p>Menurut kenyataan Jabatan Meteorologi Malaysia, gegaran itu berlaku pada kedalaman 25 kilometer dan jarak 172 kilometer Selatan dari Bima, Indonesia.</p>	Kosmo	Klik pada tajuk berita
9.	<p><u>Ribut: Bomba minta penduduk ikut nasihat yang berikan</u></p> <p>Jabatan Meteorologi Malaysia telah mengeluarkan amaran angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 50-60 kilometer sejam dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter dijangka berlaku di kawasan perairan Kelantan, Terengganu dan Pahang bermula hari ini sehingga Sabtu.</p>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
10.	<p><u>Siklon tropika: Solat hajat seluruh Kelantan mohon perlindungan</u></p> <p>Jabatan Meteorologi mengeluarkan notis</p>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita



	<p>amaran cuaca waspada peringkat kuning di Kelantan dan Terengganu berikutan pembentukan satu siklon tropika di perairan Laut China Selatan dijangka berlaku pada 2 dan 3 Januari.</p>		
11.	<p><u>Deruan 50kmj Pantai timur terima tempias ribut Tropika Pabuk</u></p> <p>Pengarah Jabatan Meteorologi Terengganu Rosli Zakaria berkata, orang ramai diingatkan berjaga-jaga terhadap kemungkinan kerosakan pada bangunan dan kejadian pokok tumbang yang mungkin berlaku akibat angin kencang pada kelajuan 46 kmj disebabkan ribut itu.</p>	Harian Metro	Rujuk lampiran 4
12.	<p><u>Orang awam dinasihat patuhi amaran bendera merah</u></p> <p>Jabatan Meteorologi Malaysia (Met Malaysia) sebelum ini mengeluarkan notis amaran cuaca waspada peringkat kuning di Kelantan dan Terengganu berikutan pembentukan satu ribut tropika di perairan Laut China Selatan.</p>	Berita Harian	Rujuk lampiran 5
13.	<p><u>Watch out for cyclone off east coast</u></p> <p>The cyclone (Tropical Depression 36W) that is in the lower South China Sea is forecast to pass off the east coast of the peninsular on Thursday. The Malaysian Meteorological Department (MMD) has highlighted the course of this cyclone and the dangers it posed to marine activities.</p>	The Sun	Rujuk lampiran 6
14.	<p><u>Are we ready for extreme weather?</u></p> <p>The Malaysian Meteorological Department director-general said the Northeast monsoon was expected to last until March and has already brought heavy rainfall to Kelantan and Terengganu.</p>	The Sun	Rujuk lampiran 7
15.	<p><u>'Pabuk' brings in heavy rain, high winds</u></p> <p>The Meteorological Department issued warnings of strong northeasterly winds of 50 to 60kph, with waves up to 4.5m on the waters off Sarawak, Kelantan, Terengganu and Pahang until Saturday.</p>	New Straits Times	Rujuk lampiran 8

16.	<p><u>Khidmat Baru TNB</u></p> <p>Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Isnaraissah Munirah bersama Pengerusi TNB Tan Sri Leo Moggie dan Ketua Pegawai Pembangunan Integriti TNB P Kalivann Pananivelu melihat Buku Panduan TNB Corporate Integrity Pledges Policy pada majlis pelancarannya.</p>	Harian Metro	Rujuk lampiran 9
17.	<p><u>2019: Sedia laksana tugas dengan lebih baik</u></p> <p>Penubuhan Hub Pengembangan dan Pemprosesan Cendawan yang pertama di Malaysia bertempat di Kg Tempinis Jabi. Suatu projek kerjasama antara Kerajaan Negeri Terengganu dan MESTECC.</p>	Harakah Daily	Klik pada tajuk berita

TEMPATAN

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
18.	<p><u>Asteroid gergasi bakal memasuki atmosfera bumi?</u></p> <p>PENTADBIRAN Aeronautik dan Angkasa Amerika Syarikat (NASA) sebelum ini mengumumkan bahawa asteroid gergasi yang dinamakan 2002 NT7 dikatakan bakal memasuki atmosfera bumi.</p>	Astro Awani	Klik pada tajuk berita
19.	<p><u>Lambakan sisa plastik AS di Pelabuhan Klang - Laporan</u></p> <p>Kebanyakan dari sisa plastik yang dijumpai setinggi paras pinggang itu dilaporkan berasal dari Amerika Syarikat (AS), menurut Los Angeles Times.</p>	Astro Awani	Klik pada tajuk berita
20.	<p><u>'Hanya mampu termenung melihat ombak'</u></p> <p>"Kali terakhir kebanyakan kami ke laut adalah pada Jumaat lalu, jadi ribut tropika Pabuk yang dilaporkan ini bukanlah faktor utama, namun sedikit sebanyak memberi 'masa rehat' lebih lama kepada nelayan," katanya ketika ditemui di</p>	Harian Metro	Klik pada tajuk berita



	Jeti Chendering, hari ini.		
21.	<p><u>Jangan jadikan pantai sebagai pesta ombak besar, angin kencang</u></p> <p>KUALA NERUS: Jangan jadikan kawasan pantai sebagai tapak pesta untuk melihat ombak besar dan angin kencang yang melanda negeri Terengganu ketika ini.</p>	Astro Awani	Klik pada tajuk berita
22.	<p><u>Jauhi kawasan pantai, patuhi bendera merah</u></p> <p>Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kelantan mahu orang ramai mematuhi petanda amaran iaitu bendera merah yang diletakkan di kawasan pesisir pantai terutamanya di musim tengkujuh kini.</p>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
23.	<p><u>DISTED teams up with Toyohashi University</u></p> <p>It is a fast track programme in computing and engineering which also enables students to master the intermediate comprehension of the Japanese language; giving Malaysian students access into the world of Japanese hi - tech, culture, robotic inventions and innovation.</p>	The Sun Daily	Klik pada tajuk berita
24.	<p><u>Kekurangan tenaga mahir jadi cabaran industri 4.0</u></p> <p>Revolusi Industri 4.0 berkait rapat dengan kepentingan informasi serta data kepada manusia pada masa akan datang.</p>	Malaysiakini	Klik pada tajuk berita
25.	<p><u>Making sense out of STEM and IoT</u></p> <p>THE alleged waning interest in science, technology, engineering and mathematics (STEM) among school students have been lamented by various quarters.</p>	New Straits Times	Klik pada tajuk berita
26.	<p><u>Lebih mudah cam wajah penjenayah</u></p> <p>"Ketika ini terdapat 767 CCTV dipasang di sekitar pulau yang akan digunakan dan disepadukan dalam sistem menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI) untuk memaksimumkan usaha untuk memerangi jenayah.</p>	Harian Metro	Klik pada tajuk berita

27.	<p><u>Penang island now safer with facial recognition cameras to combat crime</u></p> <p>At the moment, there are 767 cameras installed around the island which will be used and integrated into the system using Artificial Intelligence (AI) to maximise efforts to fight crime.</p>	New Straits Times	Klik pada tajuk berita
28.	<p><u>Eyes set on the wanted in Penang</u></p> <p>Many of the 767 CCTV cameras on Penang Island are now equipped with the facial recognition technology featuring artificial intelligence (AI) by IBM.</p>	The Star	Klik pada tajuk berita
29.	<p><u>Penang to equip CCTV cameras with facial recognition in bid to reduce crime</u></p> <p>It is the first state in Malaysia to launch such a system, which relies on artificial intelligence technology developed by IBM.</p>	Channel News Asia	Klik pada tajuk berita
30.	<p><u>Penang launches country's first facial recognition CCTV surveillance</u></p> <p>Penang Chief Minister Chow Kon Yeow said the system uses artificial intelligence (AI) to recognise faces captured by CCTVs installed by the Penang Island City Council (MBPP).</p>	Malaymail	Klik pada tajuk berita
31.	<p><u>IPT disaran pelbagaikan program lahir tenaga kerja mahir</u></p> <p>Beliau berkata kerajaan Pulau Pinang bersedia untuk membantu mana-mana ILP yang menghadapi masalah supaya dapat melahirkan tenaga kerja yang optimum dalam era Revolusi Perindustrian keempat atau Industri 4.0.</p>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
32.	<p><u>Adding value to vocational education</u></p> <p>As we prepare to face the challenges of Industrial Revolution 4.0, it is especially important for those in the B40 group to uplift themselves through vocational learning. Many are struggling to find jobs within key industries because they lack the required skills and technical expertise.</p>	The Sun Daily	Klik pada tajuk berita



33.	<p><u>Institutions of higher learning told produce more skilled manpower</u></p> <p>He said the Penang government was prepared to assist any ILPs to realise their roles to produce suitable manpower in line with Industrial Revolution 4.0.</p>	The Sun Daily	Klik pada tajuk berita
34.	<p><u>The time for change is now</u></p> <p>4IR is all about data technology — artificial intelligence, robotics and complex levels of data analyses and automation.</p>	New Straits Times	Klik pada tajuk berita
35.	<p><u>Nasa probe reaches solar system's edge</u></p> <p>It sent images of frozen rock beyond Pluto dubbed Ultima Thule in the farthest exploration ever.</p>	New Straits Times	Rujuk lampiran 10
36.	<p><u>Delve into medical lab technology</u></p> <p>Malaysia is seeing increasing demand in the area of medical laboratory technology (MLT) with career opportunities in numerous industries such as hospitals, clinics, public health laboratories, pharmaceutical or chemical industries, biotechnology companies, veterinary clinics, public or private research laboratories, colleges and universities, transplant and blood donor centres and fertility clinics.</p>	The Star	Rujuk lampiran 11

ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
37.	<p><u>Anak Krakatau berhenti meletus</u></p> <p>Jakarta – Gunung berapi Anak Krakatau di Lampung Selatan telah berhenti meletus, menurut Pusat Mitigasi Bencana, Vulkanologi, Geologi (PVMBG).</p>	Sinar Harian	Rujuk lampiran 12
38.	<p><u>Awan berbentuk gelombang tsunami cetus panik</u></p> <p>Makassar – Penduduk kota Makassar, Sulawesi</p>	Sinar Harian	Rujuk lampiran 13



	Selatan (Sulsel) kelmarin gempar dengan kemunculan awam berbentuk gelombang tsunami.		
39.	<u>Puting beliung musnahkan 165 rumah</u> Cirebon – Puting beliung melanda perkampungan Pangurangan Kulon di Pangurangan, Cirebon, Jawa Barat dan meragut sekurang-kurangnya satu nyawa selain menyebabkan kemusnahan besar.	Sinar Harian	Rujuk lampiran 14
40.	<u>Mangsa banjir, tanah runtuh meningkat</u> Angka kematian akibat tanah runtuh dan banjir yang melanda tengah Filipina meningkat kepada 85 orang, manakala mangsa dilaporkan masih hilang, apabila pasukan penyelamat tiba di kawasan yang terputus hubungan.	Berita Harian	Rujuk lampiran 15

LAMPIRAN 1
 SINAR HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 2
 TARIKH: 3 JANUARI 2019 (KHAMIS)

Waspada Ribut Tropika Pabuk

Boleh menyebabkan hujan lebat, angin kencang dan laut bergelora dengan ketinggian ombak melebihi 3.5 meter

RAHAYU MUSTAFA & SITI FATIHAH AWANG

KUALA TERENGGANU

Terengganu dijangka mengalami hujan lebat sehingga hari ini berikutan Ribut Tropika Pabuk yang kini berada di perairan Laut China Selatan.

Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) dalam satu kenyataan berkata, Ribut Tropika Pabuk kini berada di kedudukan 5.8°U 108.6°T dan dijangka bergerak 15 kilometer sejam ke arah barat.

Keadaan itu boleh menyebabkan hujan lebat, angin kencang melebihi 50 kilometer sejam dan laut bergelora dengan ketinggian ombak melebihi 3.5 meter di perairan Terengganu, Kelantan dan Pahang.

"Jarak ribut ini dari Bandar Kuala Terengganu adalah



Seorang nelayan memerhatikan ombak ketika melakukan aktiviti menjala ikan dalam keadaan laut bergelora di pesisir Pantai Pandak, Chendering semalam.

612 kilometer dan Kota Bharu pula adalah 697 kilometer," kata kenyataan itu.

Angin kencang dan laut bergelora berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri.

Pengarah Pejabat Meteorologi Terengganu, Rosli Zakaria berkata, angin kencang dijangka melebihi 40 kilometer sejam boleh mengakibatkan kerosakan struktur binaan yang tidak kukuh dan risiko pokok tumbang.

"Bagi mereka yang mempunyai bangunan berstruktur

tidak kukuh, kita harap mereka boleh ambil langkah sewajarnya," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta orang ramai supaya lebih berwaspada ketika melakukan aktiviti di luar rumah.

Sementara itu di KOTA BHARU, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kelantan mahu orang ramai mematuhi tanda amaran bendera merah yang diletakkan di kawasan pesisir pantai terutamanya pada musim tengkujuh ini.

Pengarahnya, Nazili Mahmood berkata, bendera tersebut penting untuk mem-

beri peringatan tentang bahaya yang mungkin berlaku di kawasan itu.

"Kita telah buat tinjauan di sekitar pesisir pantai bermula dari Pengkalan Kubor hingga ke Pasir Puteh berdasarkan ramalan yang dibuat Jabatan Meteorologi mengenai ribut siklon.

"Selain itu, kita juga siapakan anggota di beberapa kawasan strategik untuk bersedia jika berlaku sesuatu yang tidak diingini. Semuanya bersedia dan sentiasa peka dengan keadaan semasa.

"Apayang penting, orang ramai perlu sentiasa berwas-

pada dan hentikan aktiviti pantai di kawasan-kawasan yang diletakkan bendera tersebut," katanya.

Beliau berkata, tinjauan yang dilakukan pihaknya juga adalah bagi memastikan orang ramai sentiasa peka dengan keadaan semasa terutamanya mereka yang tinggal di tepi pantai untuk tidak melakukan sebarang aktiviti laut.

Menurutnya, JBPM Kelantan mempunyai 762 anggota dan 653 anggota sukarela yang boleh digerakkan bila-bila masa jika berlaku sesuatu yang tidak diingini.



Amaran ribut Tropika Pabuk yang dikeluarkan JMM.

"Selain itu, kita juga bekerjasama dengan beberapa agensi penguat kuasa lain untuk membantu jika memerlukan. Apayang penting, semua pihak perlu peka dengan arahan pihak berkuasa keluarkan sama ada melalui media massa mahupun arahan lisan," katanya.

Sementara itu, dalam perkembangan sama, Nazili berkata, statistik panggilan mangsa lemas JBPM Kelantan mencatatkan 28 kes untuk tahun 2018, berbanding 29 kes tahun sebelumnya.

"Daripada jumlah itu, sungai dan tali air merupakan lokasi catatankes palingtinggi iaitu 18 dan pantai enam kes. Kita berharap jumlah tersebut berkurang dari semasa ke semasa dengan kerjasama masyarakat setempat," katanya.

LAMPIRAN 2
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 13
TARIKH: 3 JANUARI 2019 (KHAMIS)

Kuala Lumpur

Ramalan hujan lebat, angin kencang melanda pantai

Hujan lebat berserta angin kencang diramalkan melanda perairan pantai timur negara berikutan luan ribut Tropika Pabuk di kawasan berkenaan bermula semalam.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM), Alui Bahari berkata, kedudukan terkini ribut berkenaan adalah di Latitud 6.1 Utara dan Longitud 108.0 Timur 545 kilometer (km) ke Tenggara Ho Chi Minh City, Vietnam.

"Ribut Tropika Pabuk kini dijangka bergerak

15 kilometer sejam (kmsj) ke arah barat dan boleh menyebabkan hujan lebat dan angin kencang melebihi 50kmsj.

"Ia juga boleh mengakibatkan laut bergelora dengan ketinggian ombak melebihi 3.5 meter di perairan Kelantan, Terengganu dan Pahang," katanya, semalam.

Bagaimanapun, katanya, jarak ribut berkenaan agak jauh dari pesisir pantai iaitu dari Kuala Terengganu 612 kilometer (km) dan Kota Bharu 697 km.

Keadaan itu turut diser-

tai Amaran Angin Kencang yang boleh melebihi 60kmsj dengan ombak boleh mencapai ketinggian melebihi 4.5 meter di kawasan perairan Laut China Selatan sepanjang timur Semenanjung Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan dan barat Sabah sehingga 5 Januari ini.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat terkini Ribut Tropika Pabuk yang dikemas kini setiap 3 jam di laman sesawang JMM dan aplikasi myCuaca.

LAMPIRAN 3
BERITA HARIAN (BENCANA): MUKA SURAT 12
TARIKH: 3 JANUARI 2019 (KHAMIS)

'Waspada, usah turun ke laut'

→ Tempias ribut jejas kediaman, bawa angin kencang lebih 50km sejam

Oleh Adrian David dan Fitri Nizam
cnews@nstp.com.my

► Kuala Terengganu

Beberapa kawasan pantai di negeri ini terkena tempias ribut tropika Pabuk dengan tiupan angin kencang hampir 50 kilometer (km) sejam direkodkan.

Penduduk juga mendakwa terdapat kerosakan pada rumah kayu masing-masing.

Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (Met Malaysia) Terengganu, Rosli Zakaria, berkata orang ramai sudah diingatkan supaya berjaga-jaga terhadap kemungkinan terdapat kerosakan pada bangunan dan kejadian pokok tumbang yang mungkin berlaku akibat angin kencang pada kelajuan 46km sejam disebabkan ribut itu.

Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Terengganu, Kapten Muhammad Suffi Mohd Rami pula menasihatkan nelayan tempatan dan pemilik bot supaya tidak turun ke laut sehingga ribut berkenaan dijangka berakhir, Jumaat ini.

"Sekiranya perlu, Maritim Malaysia mempunyai aset meliputi 100 kekuatan dan 13 kapal yang mana lima daripadanya dalam keadaan bersedia untuk menyertai operasi mencari dan menyelamatkan (SAR).

"Kapal atau bot yang berada di laut dan memerlukan bantuan boleh menghubungi 'MERS 999' atau maklumkan Maritim Malaysia di Kuala Terengganu dan Kemaman atau pihak berkuasa lain," katanya kepada BH, semalam.

Nelayan peka keadaan cuaca

Setiasusaha Persatuan Pengusaha Pelancongan dan Kebajikan Nelayan Kuala Merang, Mohd Khairul Azizie Mohamad, berkata nelayan di kawasan maklum mengenai amaran dikeluarkan pihak berkuasa.

"Ini dapat mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini, contohnya kehilangan nyawa atau kapal.

"Bagaimanapun, beberapa bahagian di kampung kami ter-

RIBUT TROPIKA PABUK



jejas juga akibat ribut berkenaan," katanya yang mewakili 2,000 penduduk dari 20 perkampungan nelayan di kawasan berkenaan.

Sementara itu, nelayan, Ruslil Usof, 38, berkata ombak besar menghanyutkan 10 bubu miliknya yang dipasang di kawasan pantai.

Kerugian lebih RM2,000

"Saya kerugian kira-kira RM2,000. Saya amat bergantung kepada bubu berkenaan untuk merangkap ikan, lebih-lebih lagi ketika ini tidak dapat ke laut berikutan musim tengkujuh," katanya.

Seorang lagi nelayan dari Chendering, Tuan Muda Tuan Hassan, 67, berkata, memang menjadi lumrah kepada golongan nelayan di Pantai Timur untuk berehat pada musim tengkujuh berikutan keadaan cuaca tidak menentu dan ombak besar.

"Kali terakhir kami ke laut pada Jumaat lalu, jadi ribut tropika Pabuk yang dilaporkan ini, sedikit sebanyak memberi 'masa rehat' lebih lama kepada nelayan," katanya.

Seorang lagi nelayan, Alwi Jusoh, 56, berkata mereka sememangnya sudah sedia maklum berhubung ribut yang melanda negeri di Pantai Timur, namun

dia sendiri sudah hampir seminggu tidak turun ke laut kerana keadaan cuaca tidak mengizinkan.

"Mengikut jangkaan kami nelayan terutamanya yang mengemudi bot kecil mungkin terpaksa berehat dalam kadar masa lebih lama sehingga keadaan laut kembali tenang," katanya.

Sementara itu, Ketua Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Terengganu, Leftenant Kolonel (PA) Che Adam Abd Rahman, berkata sehingga kini pihaknya masih belum mendapat laporan berhubung kejadian tidak diingini berlaku di negeri ini akibat ribut yang melanda.

Katanya, tinjauannya di beberapa lokasi sekitar Marang dan daerah ini mendapati angin kuat melanda terutamanya di kawasan pantai dengan kehadiran ombak setinggi dua meter.

"Berdasarkan keadaan angin dan ombak yang agak kuat begini, ia sangat berbahaya kepada bot-bot kecil dan kami menasihatkan supaya sebarang aktiviti di pantai dan di laut ditangguhkan untuk sementara bagi mengelakkan kejadian tidak diingini berlaku," katanya.

Beliau turut memberitahu bahawa Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Tereng-

ganu akan memantau perkembangan cuaca, terutama di kawasan pantai dari semasa ke semasa supaya dapat memberi peringatan kepada penduduk jika berlaku ombak besar.

Ombak capai ketinggian 3.5 meter

Met Malaysia dalam kenyataan media sebelum ini memberi amaran angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 50km hingga 60km sejam, dan laut bergelora serta ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter dijangka melanda perairan Kelantan, Terengganu dan Pahang sehingga Sabtu ini.

Keadaan angin kencang dan laut bergelora itu berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai termasuk menangkap ikan serta perkhidmatan feri.

Sementara itu, angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 40 hingga 50km sejam dan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter dijangka melanda perairan Johor Timur, Sarawak dan Sabah Barat.

Keadaan itu berbahaya kepada bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut.

→ Gangguan cuaca 'Usman' di Filipina: M5.5

LAMPIRAN 4
 HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 13
 TARIKH: 3 JANUARI 2019 (KHAMIS)

HARIAN METRO



KEADAAAN angin kencang dan laut bergelora menyebabkan ombak besar menghempas benteng.

Deruan 50kmj

■ **Pantai timur terima tempias ribut Tropika Pabuk**

Adrian David
 cnews@nstp.com.my

Kuala Terengganu

Beberapa kawasan pantai semalam, mengalami tempias ribut Tropika Pabuk dengan deruan angin kuat hampir 50 kilometer sejam (kmj). Berikutan itu, penduduk mendakwa terdapat kerosakan kecil pada rumah kayu masing-masing. Selain itu, nelayan pinggir pantai turut merasa kesan akibat daripada angin kencang terbabit. Nelayan di Marang, Ruslili Usof, 38, berkata, ombak besar menghanyutkan 10 bubu miliknya yang dipasang di kawasan pantai. "Saya kerugian RM2,000 hilang bubu dan gagal di-kesan kerana fenomena itu. "Saya amat bergantung kepada bubu berkenaan untuk merangkap ikan, lebih-lebih lagi ketika ini tidak dapat ke laut berikutan mu- sim tengkujuh," katanya. Pengarah Jabatan Meteorologi Terengganu Rosli Zakaria berkata, orang ramai diingatkan berjaga-jaga terhadap kemungkinan kerosakan pada bangunan dan kejadian pokok tumbang yang mungkin berlaku akibat angin kencang pada kelajuan 46 kmj disebabkan ribut itu. Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Terengganu Kepten Muhammad Suffi Mohd Ramli pula menasihatkan nelayan tempatan dan pe- milik bot supaya ti- dadak turun ke laut sehingga ribut berakhir. "Sekiranya perlu, APMM mempunyai aset meliputi 100 kekuatan dan 13 kapal, lima daripadanya dalam keadaan bersedia untuk menyertai operasi mencari dan menyelamat (SAR). "Kapal atau bot yang ber- ada di laut dan memerlukan bantuan kami boleh meng- hubungi 'MERS 999' atau memaklumkan sebarang keadaan kecemasan ke APMM di Kuala Terengganu dan Kemaman atau pihak berkuasa lain," katanya. Sementara itu, Setiausaha Persatuan Pengusaha Pe- lancongan dan Kebajikan Nelayan Kuala Merang, Mohd Khairul Azizie Mohamad ber- kata, nelayan di kawasan-nya sudah mak- lum mengenai amaran dikeluarkan pihak berkuasa. "Ini dapat mengelakkan seba- rang kejadian tidak diingini contohnya kehilangan nya- wa atau kapal. "Beberapa bahagian di kampung kami terjejas akibat ribut berkenaan," kata Mohd Khairul mewakili 2,000 penduduk dari 20 perkampungan nelayan di kawasan berkenaan.

FAKTA
 Orang ramai diing- at terhadap kemungki- nan kerosakan pada bangunan dan pokok tumbang

LAMPIRAN 5 BERITA HARIAN (BENCANA): MUKA SURAT 12 TARIKH: 3 JANUARI 2019 (KHAMIS)

Orang awam dinasihat patuhi amaran bendera merah

Kota Bharu: Orang ramai dinasihatkan sentiasa peka dengan amaran bendera merah yang dipacak pihak berkuasa tempatan (PBT) di pesisir pantai berikutan ramalan ribut tropika yang berlaku sejak semalam hingga Sabtu nanti.

Mereka juga dinasihatkan agar tidak berada di kawasan pinggir pantai dan menjalankan sebarang aktiviti di lokasi berisiko bagi mengelakkan kejadian tidak diingini sepanjang tempoh ramalan fenomena itu.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kelantan, Nazli Mahmood, berkata anggotanya sudah membuat tinjauan di kawasan pantai di empat daerah di negeri ini yang diramalkan terabit dengan ribut itu.

"Kami membuat tinjauan di sepanjang pantai merangkumi Pengkalan Kubor (Tumpat), Bachok, Kota Bharu dan Pasir Puteh untuk memberi nasihat kepada orang ramai, khususnya nelayan jangan sesekali berada di pinggir pantai.

Elak aktiviti pantai

"Mereka juga dinasihatkan tidak menjalankan aktiviti di pinggir pantai dan sentiasa mendengar arahan pihak berkuasa dari masa ke semasa menerusi media massa," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Terdahulu Nazli dan beberapa anggotanya membuat tinjauan di Pantai Sabak, Pengkalan Chepa di sini.

Nazli berkata, empat balai bomba dari empat daerah terabit sudah bersiap sedia dan berada di lokasi strategik.

"Anggota ini akan bertindak dengan segera sebaik menerima arahan.

"Pasukan kami juga menjalankan kerjasama dengan agensi lain yang terabit dalam persediaan menghadapi bencana atau kecemasan ini," katanya.

Jabatan Meteorologi Malaysia (Met Malaysia) sebelum ini mengeluarkan notis amaran cuaca waspada peringkat kuning di Kelantan dan Terengganu berikutan pembentukan satu ribut tropika di perairan Laut China Selatan.

Met Malaysia dalam kenyataan memaklumkan, fenomena itu bergerak ke arah barat laut berdekatan pantai di negeri berkenaan sekali gus membawa kepada kejadian hujan lebat.



Mereka juga dinasihatkan tidak menjalankan aktiviti di pinggir pantai dan sentiasa mendengar arahan pihak berkuasa"

Nazli Mahmood,
Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kelantan

LAMPIRAN 6

THE SUN (LETTERS): MUKA SURAT 9

TARIKH: 3 JANUARI 2019 (KHAMIS)



People living near the coast, in flood-prone areas, on or near river banks need to be on guard for sudden changes to their environment. – **BERNAMAPIX**

Watch out for cyclone off east coast

